

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 (93)

Tarikh: 04 Disember 2013.

## **GETAWAY PJ 2013 : PROMOSI PELANCONGAN DI PETALING JAYA.**

PETALING JAYA, 4 DISEMBER – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan pertandingan Getaway PJ 2013 bagi mempromosikan lokasi pelancongan yang memberi fokus kepada konsep SHE iaitu pusat membeli-belah (*Shopping*), kesihatan (*Health*) dan pendidikan (*Education*).

Getaway PJ 2013 berkonsepkan pertandingan mencari harta karun julung kali diadakan dan akan menjadi akitiviti tahunan MBPJ untuk memperkenalkan lokasi SHE yang boleh dikunjungi pelancong dari dalam dan luar negara.

Pertandingan ini memerlukan setiap kumpulan menaiki kereta mencari harta karun di kawasan Petaling Jaya dan perlu menyelesaikan tugas yang ditetapkan di setiap *check point*.

Kriteria yang perlu dipatuhi kepada individu yang berminat ialah peserta seramai tiga atau empat orang bagi satu kumpulan, pemandu mempunyai lesen memandu dan sihat dari segi fizikal dan mental.

Pemenang tempat pertama berpeluang menerima wang tunai berjumlah RM3,000 diikuti tempat kedua berjumlah RM2,000, tempat ketiga RM1,000, tempat keempat RM700 dan tempat kelima RM500.

Bagi kumpulan yang berjaya pada tempat keenam hingga kesepuluh pula akan menerima hamper dan baucar barang serta sijil penyertaan kepada setiap peserta.

Borang dan syarat-syarat penyertaan pertandingan Getaway PJ 2013 boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi MBPJ, [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my). Tarikh tutup penyertaan ialah sebelum atau pada 14 Disember 2013, pukul 5.00 petang.

Dua kategori penyertaan akan dipertandingkan iaitu kategori terbuka dan kepada warga kerja MBPJ serta terhad kepada 100 penyertaan pertama sahaja.

Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi Bahagian Pelancongan, Sukan Prestasi Tinggi dan Kebudayaan, MBPJ, Pusat Rakan Muda Arena, Jalan Selangor, Seksyen 3, 46050 Petaling Jaya di talian 03-7781 0178, Leen di talian 016-284 4523, Zubir di talian 017-696 3158 dan Latiff di talian 019-273 9655.

**Sekretariat Media**

**Unit Perhubungan Awam**

**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,

twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,

Faks : 03-79582695. (**Puan Zainun bt Zakaria, / En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar**)